

13 JUN 1998

Mahathir-Koridor

PERTUMBUHAN KORIDOR TIMUR BERBEZA DARIPADA PANTAI BARAT

Oleh: S. Durga Varma

KUANTAN, 13 Jun (Bernama) -- Kerajaan mahu pertumbuhan perindustrian di Koridor Timur dimajukan berbeza dari Pantai Barat Semenanjung Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagi Koridor Timur, rancangan yang dibuat ialah untuk membangunkan industri seperti petroleum dan gas, industri kimia dan industri berat, katanya.

Koridor Timur merangkumi negeri-negeri pantai timur iaitu Pahang, Terengganu, Kelantan, sebahagian dari Johor serta Sabah dan Sarawak.

Di pantai Barat, penumpuan adalah kepada semi-konduktor serta industri elektrik dan elektronik, katanya ketika merasmikan Pahang Cement Sdn Bhd, kilang simen bersepadu pertama seumpamanya di Koridor Timur, di Bukit Sagu dekat sini.

Pengarah Urusan Pahang Cement Tan Sri Francis Yeoh berkata kilang itu dibina untuk membantu dalam pembangunan di Pahang dan Koridor Timur.

Menurutnya, Pahang Cement telah memenuhi tiga syarat yang sukar iaitu mempunyai teknologi terkini dengan reka bentuk paling cekap, tahap produktiviti tertinggi di Malaysia dan kilang paling mesra alam sekitar di negara ini.

"Era perlindungan import sudah berlalu. Mengikut AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas Asean), tarif yang tidak melebihi daripada 0 sehingga 5 peratus akan dilaksanakan menjelang tahun 2003. Kita perlu bersiap sedia bagi menghadapi persaingan sebenar," katanya.

Yeoh berkata : "Jika kita boleh mencapai matlamat itu dan berjaya dalam persaingan dalam pasaran sendiri, kita mampu untuk mengeksport secara komersil."

Beliau juga berkata apabila melabur dalam pengeluaran simen, seseorang itu mengambil keputusan bagi 30 tahun atau lebih.

"Saya boleh menyatakan bahawa kilang bernilai RM700 juta ini adalah pelaburan besar dan kukuh yang diambil secara proaktif bersandarkan dasar yang jelas. Kami percaya kepada masa depan dan sebagai bukti keyakinan kami, YTL Group sendiri terlibat dalam projek semasa bagi produk simen dan konkrit dengan jumlah pelaburan melebihi RM500 juta," katanya.

-- BERNAMA

DVS ZK MAI